



جابتن حال إحوال اكنام إسلام قولوا قينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



KHUTBAH AIDILADHA 1447H  
**MENYINGKAP HAKIKAT IMAN  
DALAM PENGORBANAN  
YANG AGUNG**



Tarikh Bacaan:  
**10 ZULHIJJAH 1447H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Teks Khutbah Aidiladha 1447H

## Menyingkap Hakikat Iman

### Dalam Pengorbanan Yang Agung

(10 ZULHIJAH 1447H)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْكَرِيمِ الْقَهَّارِ، الرَّحِيمِ الْغَفَّارِ، دَعَا عِبَادَهُ إِلَى أَشْرَفِ بَيْتٍ وَأَعْظَمِ مَزَارٍ،  
وَنَادَاهُمْ إِلَى أُمَّ الْقُرَى لِيَغْفِرَ لَهُمُ الذُّنُوبَ وَالْأَوْزَارَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، تَفَرَّدَ بِالْبَقَاءِ وَالِدَّوَامِ وَالِاقْتِدَارِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، خَيْرُ مَنْ طَافَ وَسَعَى وَرَمَى الْجِمَارَ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ وَبَارَكَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَيْرِ الْأَبْرَارِ، وَعَلَى آلِهِ الْأَطْهَارِ، وَصَحْبِهِ  
الْأَخْيَارِ، وَالتَّابِعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ مَا تَعَاقَبَ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَأَوْصِيكُمْ أَيُّهَا النَّاسُ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، وَرَاقِبُوهُ وَلَا تَعْصُوهُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**



Marilah kita bersama-sama meningkatkan nilai ketakwaan kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Nilai takwa yang hidup dalam hati, terpancar pada lisan dan terbukti pada perbuatan. Ia bukan sekadar diungkap di bibir, tetapi berakar di dalam jiwa dan terpancar dalam langkah kehidupan.

Marilah kita bersama-sama menzahirkan lafaz takbir, tahmid dan tasbih kepada Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani atas nikmat kurniaan Hari Raya Aidiladha kali ini. Sesungguhnya, hari ini kita menyambut Aidiladha yang merupakan hari pengorbanan, hari ketaatan dan hari yang mengajar kita bahawa cinta kepada Allah mengatasi segala-galanya. Ayuhlah, kita menghayati khutbah Aidiladha yang akan mengangkat tajuk: **Menyingkap Hakikat Iman Dalam Pengorbanan Yang Agung.**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

#### MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH,

Aidiladha membawa kita menelusuri satu kisah yang agung. Kisah pengorbanan sebuah keluarga yang dibina atas dasar iman dan takwa iaitu keluarga Nabi Ibrahim عَلَيْهِ السَّلَامُ, isterinya Hajar dan anaknya Nabi Ismail عَلَيْهِ السَّلَامُ. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam Surah al-Saffat ayat 102:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَئِي إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا بَتِ

أَفْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٣٧﴾

Maksudnya: "Maka tatkala anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Ibrahim berkata,

خطبة عيد الأضحى 1447 هـ

"Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya aku bermimpi bahawa aku akan menyembelihmu, maka fikirkanlah bagaimana pendapatmu!" Dia menjawab, "Wahai ayahku, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu! Insya-Allah kamu akan mendapati aku termasuk dalam golongan orang yang sabar."

Menurut Ibnu Kathir, Nabi Ibrahim عَلَيْهِ السَّلَامُ menceritakan tentang mimpinya agar Nabi Ismail عَلَيْهِ السَّلَامُ tidak terkejut dengan perintah sembelihan tersebut. Ia juga menguji tahap kesabaran, keteguhan dan keyakinan Nabi Ismail عَلَيْهِ السَّلَامُ dalam ketaatan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى serta kepatuhan kepada bapa baginda sendiri.

Lihatlah wahai para jemaah sekalian; kisah ini memaparkan satu pendekatan yang sarat dengan hikmah. Ia bukan sekadar perintah, tetapi suatu perbincangan. Bukan sekadar arahan yang tegas, tetapi disulami sentuhan kasih sayang yang mendalam. Nabi Ibrahim عَلَيْهِ السَّلَامُ tidak memaksa anaknya bahkan menghormati hak dan pandangan Nabi Ismail عَلَيْهِ السَّلَامُ meskipun baginda mendapat mandat yang agung daripada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Inilah contoh unggul komunikasi dalam keluarga, lembut pada cara, tinggi pada hikmah. Ia seumpama "menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak."

Seorang ayah berhikmah dengan anak manakala anak memiliki nilai keimanan yang tinggi. Oleh yang demikian, maka lahirlah ketaatan yang tidak dipaksa, datang dari dalam jiwa. Jawapan Nabi Ismail عَلَيْهِ السَّلَامُ bukanlah jawapan biasa namun ia lahir dari hati yang penuh keimanan:

**"Wahai ayahku, lakukanlah apa yang diperintahkan".**

Tiada bantahan, persoalan dan keraguan. Inilah hasil tarbiah iman dalam keluarga. Didikan yang bermula sejak daripada kecil, akhirnya membuahkan ketaatan yang luar biasa. Ibarat kata "melentur buluh biarlah dari rebungnya."

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

## MUSLIMIN DAN MUSLIMAT RAHIMAKUMULLAH,

Namun pengorbanan ini bukan hanya milik seorang ayah dan anak. Di belakangnya ada seorang ibu yang luar biasa iaitu Hajar. Seorang wanita yang ditinggalkan di lembah tandus, tanpa bekalan, tanpa manusia dan tanpa jaminan. Namun Hajar tidak pernah hilang keyakinan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Dirwayatkan dalam sebuah hadis yang panjang dalam Sahih al-Bukhari, Hajar bertanya kepada Nabi Ibrahim, "Adakah ini perintah Allah?" Lalu dijawab oleh baginda: "Ya." Lantas, dengan penuh yakin Hajar berkata, "Kalau begitu, Allah tidak akan mensia-siakan kami".

Pertanyaan tersebut disebabkan Hajar merasa kluatir keadaan Nabi Ismail *عَلَيْهِ السَّلَامُ* yang masih kecil dan keadaan tempat di sekeliling yang tiada tanaman dan sumber air. Di sinilah iman Hajar benar-benar diuji. Bukan ketika senang, tetapi ketika susah; bukan ketika lapang, tetapi ketika sempit. Demi memenuhi keperluan si anak yang masih kecil yang dahagakan air, Hajar terpaksa berlari-lari antara Safa dan Marwah untuk mencari air sehinggalah Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* mengurniakan air zamzam buat mereka.

Demikianlah kisah pengorbanan Nabi Ibrahim, Nabi Ismail dan Hajar yang melatari lahirnya ibadah korban dan haji. Ia adalah sebuah perjalanan bukan sekadar fizikal, tetapi perjalanan jiwa menuju Allah. Daripada pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail *عَلَيْهِمَا السَّلَامُ*, lahirlah ibadah

korban yang kita laksanakan setiap tahun. Hasil larian Hajar antara Safa dan Marwah, maka lahirlah satu syariat dalam ibadah haji iaitu sa'ie yang dilaksanakan hingga ke hari ini.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH,**

Ketika kita merayakan Aidiladha di sini, sebahagian umat Islam dari seluruh pelosok dunia sedang mengerjakan ibadah haji di Makkah al-Mukarramah. Ibadah haji yang dikerjakan bukan sekadar ibadah yang bersifat ritual semata-mata. Bahkan, ia mengajar kita pelbagai erti kehidupan. Bayangkanlah saudara saudari sekalian, ketika ihram dipakai, kita belajar bahawa manusia itu sama; duduk sama rendah, berdiri sama tinggi. Tiada beza antara kaya dan miskin kerana semuanya adalah hamba Allah.

Ketika ibadah wukuf di Arafah, kita diingatkan tentang hari perhimpunan di Mahsyar. Hari di mana tiada harta dan pangkat yang mampu menyelamatkan kita, melainkan hanya amal soleh yang menjadi bekal. Ketika melontar jamrah, kita diajar untuk melawan syaitan. Bukan sekadar syaitan di luar, tetapi syaitan dalam diri iaitu nafsu, ego dan keinginan yang melalaikan. Dan ketika menyembelih korban, kita diajar bahawa pengorbanan itu bukan pada darah dan daging, tetapi pada keikhlasan hati. Firman Allah dalam Surah al-Hajj ayat 37:

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِنَّ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ كَذَلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ

لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُكُمْ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: "Daging-daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai keredaan Allah, tetapi ketakwaan daripada kamulah yang dapat mencapainya. Demikianlah Allah telah menundukkannya untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hidayah-Nya kepada kamu. Dan berilah khabar gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang yang berbuat baik."

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIMULIAKAN,

Aidiladha mengajar kita satu hakikat besar iaitu hidup ini adalah tentang memberi, bukan memiliki. Ia mendidik jiwa untuk berkorban, bukan terikat dengan kemewahan dunia. Jika Nabi Ibrahim عَلَيْهِ السَّلَامُ sanggup mengorbankan anaknya, Nabi Ismail عَلَيْهِ السَّلَامُ sanggup mengorbankan dirinya, Hajar sanggup mengorbankan rasa takut; maka apakah pengorbanan kita pada hari ini?

Adakah kita sanggup mengorbankan sedikit masa untuk beribadah? Adakah kita sanggup mengorbankan ego untuk menjaga keluarga? Adakah kita sanggup meninggalkan maksiat demi mencari reda Allah?

Marilah kita membina keluarga seperti keluarga Nabi Ibrahim عَلَيْهِ السَّلَامُ. Sebuah keluarga yang berteraskan iman, berinteraksi dengan kasih sayang dan hidup dalam ketaatan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Justeru, sebagai penutup, khatib ingin merumuskan khutbah hari ini kepada beberapa pesanan penting buat kita semua;

**Pertama:** Sesungguhnya iman yang kukuh akan melahirkan ketaatan yang tulus.

**Kedua:** Keluarga beriman dibina melalui komunikasi yang penuh hikmah dan tarbiah yang berterusan.

**Ketiga:** Ibadah haji dan korban mendidik jiwa manusia untuk menjadi hamba yang ikhlas.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Kawthar ayat 1 hingga 3:

إِنَّا أَعْطَيْنَكَ الْكَوْثَرَ ۝ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ۝ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ۝

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai tanda bersyukur). Sesungguhnya orang yang membenci kamu, maka dia terputus (daripada mendapat sebarang perkara yang diinginkannya)".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



## Teks Khutbah Kedua Aidiladha 1447H

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ لَا نَبِيَّ بَعْدَهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى هَذَا النَّبِيِّ الْكَرِيمِ وَالرَّسُولِ الْعَظِيمِ سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ أَحَبَّهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### HADIRIN SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH,

Puji dan syukur kita lafazkan hanya kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* kerana telah melimpahkan rahmat dan nikmat-Nya untuk kita menyambut Hari Raya Aidiladha. Hari ini kita digalakkan untuk meraikannya dengan rasa kegembiraan. Ibnu Hajar Al-'Asqalani menyatakan bahawa menzahirkan kegembiraan pada hari raya adalah termasuk dalam syiar agama. Peluang dan kesempatan yang diberi ini hendaklah digunakan sebaik-baiknya tanpa melanggar batasan syariat Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Dalam kita menyambut Aidiladha dengan penuh kegembiraan, jangan kita lupa bahawa di satu sudut dunia, saudara-saudara kita di bumi Palestin masih diuji dengan pelbagai penderitaan. Sejarah mencatatkan satu  
خطبة عيد الأضحى 1447 هـ

peristiwa yang dikenali sebagai Hari Nakbah, yang bermaksud malapetaka, yang berlaku pada 15 Mei 1948. Ia adalah susulan daripada pengisytiharan negara Israel sehari sebelum itu. Peristiwa ini menyaksikan ratusan ribu rakyat Palestin kehilangan tanah air mereka, dihalau dari kampung halaman dan hidup sebagai pelarian hingga ke hari ini.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Anfal ayat 72:

... وَإِنِ اسْتَنْصَرُوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمْ النَّصْرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَاقٌ ۗ ... ﴿٧٢﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang-orang yang memberi tempat serta pertolongan, mereka itu saling melindungi antara satu sama lain. Dan orang-orang yang beriman tetapi belum berhijrah, maka tidak ada kewajiban bagi kamu melindungi mereka sehingga mereka berhijrah. Dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam urusan agama, maka wajiblah kamu menolong mereka, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian antara kamu dengan mereka. Dan ALLAH Maha Melihat apa yang kamu lakukan.*”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Maka, apakah peranan yang boleh dilaksanakan dalam isu Palestin ini? **Pertama** adalah menghidupkan doa, kerana doa adalah senjata orang mukmin. **Kedua**, menyemai kesedaran dalam diri dan keluarga agar kita tidak lalai terhadap isu umat Islam. **Ketiga**, menzahirkan keprihatinan melalui usaha yang dibenarkan, termasuk bantuan kemanusiaan dan sokongan kepada mereka yang memerlukan.

Aidiladha mengajar kita bahawa pengorbanan itu bukan sekadar pada harta, tetapi juga pada rasa empati, peduli dan tanggungjawab terhadap umat Islam seluruhnya. Janganlah kita menjadi umat yang hanya bergembira untuk diri sendiri, tetapi melupakan penderitaan saudara kita.

Pada hari ini juga, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ. Firman Allah ﷻ dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ بْنِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنَهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَانَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.  
اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،  
اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah .

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْعَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ  
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً  
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا  
رَبَّنَا إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.





جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG